

Pertahan hak asasi manusia berteraskan Islam, kata Najib
The Malaysian Insider
August 18, 2015
Oleh Hasbullah Awang Chik

Datuk Seri Najib Razak hari ini menegaskan hak asasi manusia perlu didefinisikan dalam konteks Islam dan syariatnya walaupun ia mungkin bertentangan dengan konsep universal.

Perdana menteri berkata, perkara itu perlu dipertahankan kerana dibimbangi nama hak asasi manusia akan terus dipergunakan bagi tujuan yang menyimpang dengan ajaran agama.

"Ini yang kita perlu pertahankan. Walaupun dari segi definisi, hak asasi manusia secara universal sudah didefinisikan, tetapi kita tetap definisikan hak asasi manusia dalam konteks Islam dan syariatnya dalam negara kita.

"Walaupun susah kita nak pertahankan di peringkat antarabangsa, tetapi kita wajib pertahan, seperti mana pertahan hak asasi manusia ikut Islam," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Antarabangsa Wasatiah 2015 di Bangi hari ini.

Najib berkata walaupun sepanjang pemerintahannya mengamalkan dasar terbuka dan mendengar pandangan berbeza, namun akhir-akhir ini masih muncul kumpulan ekstremis dan liberal dalam negara.

Katanya, kumpulan berkenaan menggunakan nama kebebasan untuk cuba mendominasi kelompok majoriti dalam negara.

"Kumpulan ini berselindung di sebalik jenama hak asasi manusia dalam menghalalkan tindakan mereka yang jauh sekali menyimpang dari tuntutan Islam.

"Kumpulan seperti Islamic State (Isis) dan LGBT mensasarkan generasi muda sebagai tumpuan dalam menyebarkan fahaman dan ideologi mereka.

"Kelihatan mereka ini sudah berjaya mempengaruhi kelompok tertentu dalam masyarakat," katanya.

Beliau berkata bagi membendung fahaman berkenaan, wasatiah adalah satu pendekatan terbaik bagi memperkasakan generasi muda.

Katanya, usaha berkenaan perlu dilakukan secara serius, tersusun dan berterusan dan mungkin ia boleh dijadikan komponen penting dalam modul Program Latihan Khidmat Negara. – 18 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pertahan-hak-asasi-manusia-berteraskan-islam-kata-najib>